

# PM ajak tonton teater Haji Murat

Anwar hadiri persembahan karya Leo Tolstoy setelah mengetahui melalui media

affan.rostam@bh.com.my

**Menyifatkan** khazanah nukilan mendiang Leo Tolstoy sebagai karya sastra luar biasa, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak melepaskan peluang menyaksikan pentastasan teater *Haji Murat* yang diadaptasi daripada novel pendek terakhir penulis tersohor Russia itu di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di ibu negara, kelmarin.

Perdana Menteri teruja menonton pentastasan teater *Haji Murat* biarpun pada awal tidak mendapat undangan, sebaliknya hanya mendapat tahu mengenai pentastasan itu melalui media.

“Sebenarnya, ini adalah acara yang saya tidak diundang. Secara kebetulan, saya baca dalam akhbar dan media sosial mengenai teater *Haji Murat*.”

“*Haji Murat* adalah salah satu karya besar Tolstoy, tetapi masyhur. Ada pandangan *Haji Murat* adalah ‘hero’ tetapi beliau adalah *tragedy hero*.”

“Jadi, saya minta pegawai tanya DBP untuk hadir menonton teater *Haji Murat*. Saya teruja dengan pentastasan ini dan perlu ajak anak muda untuk melihat ke-



Anwar (tengah) dan Dr Wan Azizah bersama pelakon serta tenaga kreatif teater *Haji Murat* yang dipentaskan di DBP, kelmarin. (Foto Eizairi shamsudin/BH)

kuatan karya ini.

“Ini antara karya yang memiliki penceritaan terindah dan terbaik di dunia. Saya masih belum mengerti mengapa di dunia Barat tidak begitu popular atau tidak diendahkan.”

“Ini adalah karya sastra yang luar biasa,” katanya ketika berucap sebelum pentastasan berlangsung.

Pada pentastasan itu, Anwar ditemani isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Yang turut hadir, Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil; Ketua Pengarah DBP, Dr Hazami Jahari; Pengerusi Lembaga Pengelola

DBP, Sasterawan Negara, Datuk Dr Anwar Ridhwan dan Duta Besar Russia ke Malaysia, TYT Nayl M Latypov.

## DBP pentas karya bermutu

Teater *Haji Murat* adalah sebahagian daripada kegiatan pengembangan DBP dalam mengangkat karya bermutu untuk dipentaskan.

Pentastasan *Haji Murat* memababitkan sepenuhnya Karyawan DBP sebagai tenaga produksi, malah sebahagian daripada mereka beraksi dalam pentastasan kali ini.

Teater arahan bersama A Wa-

hab Hamzah dan Aris Othman itu dijayakan pelakon hebat teater seperti Mohd Kamarulzaman Taib atau Che Kem, Dr Rusdeen Suboh, Ard Omar, Helmi, Rose Julia, Anna Natasha serta ramai lagi.

Keseluruhan tenaga produksi dan pelakon yang terbabit dalam menjayakan pentastasan ini kira-kira 70 orang.

*Haji Murat* diadaptasi daripada novel pendek yang juga karya terakhir Tolstoy dari 1896 hingga 1904 dan diterbitkan selepas kematiannya, iaitu pada 1912.

Teater itu menceritakan protagonis bernama *Haji Murat*, seorang panglima pasukan pem-

berontak Avar yang membentuk perikatan dengan Russia yang ditentang kerana ingin membalas dendam.

Karya agung yang diterjemah penggiat sastra dunia, Dr Victor Pogadaev pernah diterbitkan oleh DBP pada 2001 melalui suntangan Datuk Dr Anwar Ridhwan.

Pentastasan teater *Haji Murat* diterbitkan bersama Badan Budaya DBP, DBP dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

Teater *Haji Murat* dipentaskan sejak Rabu lalu hingga esok di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma DBP, mulai jam 8.30 malam.